

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 25 OGOS 2020 [ SELASA ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) jumlah dan kos projek naik taraf Kampung Baru Cina yang telah dicadangkan atau dirancangkan di Melaka untuk tahun 2018, 2019 dan 2020; dan
- (b) berapa jumlah dan kos projek-projek tersebut yang telah dilaksanakan untuk tahun 2018, 2019 dan 2020 dan sebab-sebab utama projek-projek lain belum terlaksana.

**JAWAPAN**

**SOALAN (a)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2018, 2019 dan 2020, Kerajaan telah memperuntukkan hampir RM4 juta kepada Kampung Baru di Negeri Melaka bagi melaksanakan 48 projek di bawah Program Pembangunan Infrastruktur seperti menaiktaraf jalan, longkang, dewan orang ramai, balai raya, gelanggang, kemudahan riadah dan lain-lain dengan pecahan mengikut tahun seperti berikut:

Program Pembangunan Infrastruktur	2018		2019		2020	
	Bil. Projek	RM	Bil. Projek	RM	Bil. Projek	RM
	21	1,772,208	26	2,114,471	1	100,000

**SOALAN (b)**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2018, terdapat sebanyak 21 projek di bawah Program Pembangunan Infrastruktur berjumlah RM1,772,208 telah dilaksanakan. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak 26 projek berjumlah RM2,114,471 telah dilaksanakan untuk menaiktaraf kemudahan infrastruktur asas di Kampung-kampung Baru Cina di Negeri Melaka.

2. Bagi tahun 2020 pula, hanya 1 projek berjumlah RM100,000 telah dilaksanakan. Antara sebab utama projek lain belum terlaksana adalah disebabkan oleh pertukaran kerajaan yang melibatkan proses pelantikan semula Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK). Walau bagaimanapun, Kerajaan akan meneruskan program-program pembangunan kemudahan infrastruktur asas dan ameniti sosial di kampung baru bagi memastikan kualiti hidup penduduk kampung terjamin. Pada masa kini, Kementerian akan mempertimbangkan permohonan projek-projek baru daripada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang akan dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.